

Headline	UniKL mahu kutip tiga mata		
MediaTitle	Kosmo		
Date	13 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	60
ArticleSize	128 cm ²	Journalist	MUHAMMAD
PR Value	RM 5,061		



UniKL mahu kutip tiga mata

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY BADLISHAH

SKUAD hoki Universiti Kuala Lumpur (UniKL) sedia menjadikan 'pendatang baharu', Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) sebagai mangsa pertama mereka pada aksi pembukaan saingan Divisyen Premier Liga Hoki Malaysia (MHL) di Stadium Hoki Lembah Pantai, Kuala Lumpur hari ini.

Bagaimanapun, ketua jurulatih UniKL, Arul Selvaraj enggan barisan pemainnya terlalu yakin memandangkan SSTMI, naib juara Divisyen Satu musim lepas, juga mempunyai kekuatan tersendiri dan mampu mencipta kejutan ke atas skuad bimbingannya.

"SSTMI sudah bermain sebagai satu pasukan dalam tempoh yang lama sementara UniKL pula akan menghadapi aksi pertama dengan skuad lengkap selepas semua pemain import tiba baru-baru ini.

"Aksi pembukaan kebiasaannya bukan satu perlawanan yang mudah, namun saya memberitahu para pemain bahawa objektif utama ialah kami perlu bermula dengan langkah kemenangan," katanya.

UniKL hanya dapat menggunakan khidmat dua pemain import iaitu Ignacio Salas dari Argentina dan Muhammad Aileen Bilal (Pakistan) dalam saingan Piala Tan Sri P. Alagendra yang menyaksikan mereka terkandas di peringkat suku akhir pada 7 Januari lalu.

Bagaimanapun, UniKL boleh menarik nafas lega apabila kini sudah diperkuatkan dengan tiga lagi pemain import mereka, Mohammad Tousiq dari Pakistan, Lachlan Gerald Stick (Australia) dan Tomas Matias Santiago (Argentina).

Dalam perkembangan lain, Pasukan Hoki Terengganu akan berentap dengan Kelab Hoki Kuala Lumpur di Stadium Hoki Batu Burok, Kuala Terengganu hari ini dan pemenang aksi tersebut bakal menjulang gelaran Piala Sumbangsih musim ini.

Dua lagi aksi yang berlangsung hari ini ialah pertemuan 'abang adik' antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan TNB *Thunderbolts* dan UiTM-KPT menentang finalis Piala Tan Sri P. Alagendra 2017, Maybank.